

07/10/2001

Pengurangan pekerja MAS pilihan terakhir

SHAH ALAM: Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata langkah mengurangkan sebahagian daripada 21,000 kakitangan Penerbangan Malaysia (MAS) berikutan masalah kewangan syarikat itu adalah pilihan terakhir.

"Kita mempunyai pilihan lain kerana tindakan penstrukturan semula dibuat secara menyeluruh. Cuma langkah memberhentikan pekerja adalah pilihan terakhir," katanya ketika ditanya kemungkinan MAS memberhentikan kakitangannya secara besar-besaran dalam program pemulihannya sekarang.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan yang kini menguasai MAS tidak akan memulakan langkah menyelesaikan masalah syarikat penerbangan itu dengan memberhentikan pekerja.

MAS dilaporkan mempunyai hutang kira-kira RM8 bilion dan dana pemegang saham RM2 bilion.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Proton Waja Premium 1.6X (A) di Ibu Pejabat Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) di sini semalam, Dr Ling berkata:

"Kita sedang cuba melakukan apa saja yang munasabah. Kita sebolehnya tidak mahu memberhentikan pekerja kerana mereka mempunyai kemahiran dan kecekapan tersendiri," katanya.

Katanya, semua tindakan pemulihan itu sedang dilaksanakan oleh badan perunding dan pengurusan MAS.

"Yang pasti pada Disember ini akan diketahui sama ada boleh atau tidak mengurangkan kakitangan," katanya.

Dr Ling berkata, antara tindakan yang sedang diusahakan MAS ialah melihat laluan penerbangan yang mampu memberi keuntungan.

Sehubungan itu, katanya adalah penting pengurusan MAS meneliti aspek meningkatkan kekerapan penerbangan ke destinasi berpotensi, terutama di rantau ini.

"Malah, strategi pemasaran tiket juga penting, iaitu bagaimana kita boleh memikat pelanggan dengan mempunyai kekerapan penerbangan di satu-satu laluan.

"Misalnya, ahli perniagaan yang pergi ke China mungkin mahu balik dalam masa terdekat. Jika MAS mempunyai laluan berkala dua atau tiga kali seminggu, ini satu kelebihan," katanya.

Menurut Dr Ling, strategi penjualan tiket, terutama tempat duduk hadapan termasuk kelas pertama, perniagaan dan ekonomi perlu dilihat semula dari segi persaingan harga dan mutu perkhidmatan.

Sebelum ini, MAS dilaporkan berkata ia akan menawarkan Skim Pemisahan Sukarela (VSS) kepada pekerja yang sudah lama berkhidmat jika langkah mengurangkan kakitangan terpaksa diambil.

Mengenai pelancaran laluan kereta api di antara Yala di selatan Thailand, ke Wakaf Bharu di Kelantan, baru-baru ini, Dr Ling berkata itu bukan menandakan perkhidmatan kereta api Trans-Asia sudah dimulakan.

(END)